

# Proton umum pakatan Volkswagen akhir tahun

Um- 20/10/2004: 21 Perdana



TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD

**K**UALA LUMPUR 19 Okt. - Proton Holdings Bhd. akan membuat keputusan mengenai kemungkinan mengadakan pakatan strategik dengan Volkswagen AG (VW) sebelum akhir tahun ini, kata Penasihat Proton yang juga Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Sambil menyatakan pengeluaran kereta terbesar negara juga sedang berbincang dengan pihak lain dan masih terbuka kepada tawaran lain, perbincangan dengan VW menunjukkan kemajuan yang lebih ke depan berbanding perbincangan lain.

"Saya harus katakan bahawa perbincangan dengan VW

mencatatkan kemajuan lebih ke hadapan berbanding yang lain," Mahathir memberitahu *Dow Jones Newswires* dalam satu temubual di sini.

Beliau, bagaimanapun menambah tiada had masa yang telah ditetapkan terhadap keputusan itu.

"Tiada tempoh, tiada had masa yang ditetapkan tetapi sudah tentu kami harus membuat satu keputusan mengennainya.

"Sekiranya melihat kepada VW, ia (keputusannya) sebelum akhir tahun ini," tambah beliau.

Mahathir juga tidak menolak satu bentuk penyertaan ekuiti dalam usaha sama itu.

"Kami tidak menentang sepenuhnya penyertaan ekuiti kerana kami adalah sebuah syarikat senaraian awam dan terdapat orang lain yang memiliki saham Proton dalam pasaran," kata beliau yang berkata terdapat pelbagai pilihan yang ada termasuk penyertaan ekuiti.

## Pengeluaran

"Kami harus memberikan kelebihan tertentu kepada rakan kongsi kami agar ia menarik," kata beliau sambil menambah Proton juga menawarkan kelebihan kos pengeluaran kepada pengeluar ke-

reta Eropah dan laluan kepada pasaran Asia Tenggara.

Selain itu, Mahathir juga berkata, Proton bersifat terbuka kepada idea untuk mendapatkan kemahiran pengurusan selain faedah teknologi daripada seseorang rakan niaga.

"Proton berminat untuk mempelajari bukan hanya teknologi tetapi juga pengurusan yang berjaya.

"Sama ada kami akan menyerahkan pengurusan atau tidak ia sesuatu yang berbeza, tetapi saya rasa pengurusan Proton agak terbuka kepada cadangan tentang apa juga yang menguntungkannya," katanya. - Dow Jones Newswires